

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 27 Julai 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

### **BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI JUN 2023**

#### **EKSPORT BAGI ENAM NEGERI MENINGKAT PADA JUN 2023**

**PUTRAJAYA, 27 Julai 2023** – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM222.1 bilion pada Jun 2023 dengan nilai eksport RM124.0 bilion dan import bernilai RM98.2 bilion seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI JUN 2023**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport Malaysia pada Jun 2023 bernilai RM124.0 bilion, menurun sebanyak RM20.3 billion (-14.1%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Johor (-RM9.4 bilion), Sarawak (-RM4.6 bilion), Selangor (-RM3.5 bilion), Sabah (-RM1.1 bilion), Perak (-RM847.9 juta), Terengganu (-RM380.1 juta), Kelantan (-RM269.6 juta), W.P. Kuala Lumpur (-RM78.8 juta) dan Perlis (-RM13.7 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport meningkat di Pulau Pinang sebanyak RM6.4 bilion, W.P. Labuan (+RM950.5 juta), Kedah (+RM882.6 juta), Pahang (+RM336.8 juta), Melaka (+RM209.7 juta) dan Negeri Sembilan (+RM81.4 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 33.2 peratus, diikuti oleh Johor (20.8%), Selangor (17.3%), Sarawak (6.3%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.4%).

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada bulan Jun 2023 juga menurun RM22.9 bilion (-18.9%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan import disebabkan oleh import yang lebih

rendah di kebanyakan negeri iaitu Johor (-RM10.6 bilion), Selangor (-RM7.7 bilion), Pulau Pinang (-RM6.7 bilion), W.P. Kuala Lumpur (-RM1.6 bilion), Kedah (-RM1.4 bilion), Negeri Sembilan (-RM1.0 bilion), Sarawak (-RM807.3 juta), Perak (-RM285.8 juta), W.P. Labuan (-RM34.8 juta) dan Kelantan (-RM8.8 juta). Walau bagaimanapun, nilai import meningkat di Melaka sebanyak RM5.1 bilion, Terengganu (+RM191.1 juta), Perlis (+RM12.7 juta), Sabah (+RM7.7 juta) dan Pahang (+RM5.7 juta).


Selangor terus mendominasi import Malaysia dengan 25.8 peratus, diikuti oleh Johor (21.2%), Pulau Pinang (19.8%), Melaka (7.2%) dan W.P. Kuala Lumpur (7.1%).

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.

**Carta 1: Data Siri Masa Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor, Jun 2022 – Jun 2023 (RM Bilion)**



Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Jun 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
 JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA  
 27 JULAI 2023**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

## **PRESS STATEMENT**

### **FOR EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE JUNE 2023**

---

#### **EXPORTS OF SIX STATES INCREASE IN JUNE 2023**

**PUTRAJAYA, 27 July 2023** – Malaysia's total trade for June 2023 amounted to RM222.1 billion with exports and imports recorded RM124.0 billion and RM98.2 billion, respectively as reported today in **EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE JUNE 2023**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said exports was valued at RM124.0 billion in June 2023, decreased RM20.3 billion (-14.1%) as compared to the same month of the previous year. The decrease in exports was attributed to the lower exports in most states such as Johor (-RM9.4 billion), Sarawak (-RM4.6 billion), Selangor (-RM3.5 billion), Sabah (-RM1.1 billion), Perak (-RM847.9 million), Terengganu (-RM380.1 million), Kelantan (-RM269.6 million), W.P. Kuala Lumpur (-RM78.8 million) and Perlis (-RM13.7 million). However, exports increased in Pulau Pinang by RM6.4 billion, W.P. Labuan (+RM950.5 million), Kedah (+RM882.6 million), Pahang (+RM336.8 million), Melaka (+RM209.7 million) and Negeri Sembilan (+RM81.4 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with 33.2 per cent share, followed by Johor (20.8%), Selangor (17.3%), Sarawak (6.3%) and W.P. Kuala Lumpur (4.4%).

Looking at the performance of imports by state, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said imports also decreased RM22.9 billion (-18.9%) in June 2023 as compared to the same month in 2022. The decrease in imports was contributed by the lower imports in most states such as Johor (-RM10.6 billion), Selangor (-RM7.7 billion), Pulau Pinang (-RM6.7 billion), W.P. Kuala Lumpur (-RM1.6 billion), Kedah (-RM1.4 billion),

*Negeri Sembilan (-RM1.0 billion), Sarawak (-RM807.3 million), Perak (-RM285.8 million), W.P. Labuan (-RM34.8 million) and Kelantan (-RM8.8 million). However, imports increased in Melaka by RM5.1 billion, Terengganu (+RM191.1 million), Perlis (+RM12.7 million), Sabah (+RM7.7 million) and Pahang (+RM5.7 million).*

*Selangor continued to dominate Malaysia's imports with a share of 25.8 per cent, followed by Johor (21.2%), Pulau Pinang (19.8%), Melaka (7.2%) and W.P. Kuala Lumpur (7.1%).*

*DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".*

**Chart 1: Time Series Data on Exports and Imports in Johor, Pulau Pinang and Selangor, June 2022 – June 2023 (RM Billion)**




Exhibit 1: Infographic on Export Import Statistics by State, June 2023



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
27 JULY 2023**